



PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SUBJEK SEJARAH PRAUNIVERSITI

Teaching And Learning Of Pre-University History Subjects

^{1*}JAITUN BANGGU

²DG. NORIZAH AG. KIFLEE@DZULKIFLI

^{1&2}Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

*Corresponding author: jaitun1970@gmail.com

Date Received: 6 August 2025 | Date Revised: 18 August 2025
Date Accepted: 12 February 2026 | Date Published: 30 June 2026
DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v37i1.7383>

Abstrak Kajian ini meneroka pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah di peringkat prauniversiti dengan meneliti strategi pedagogi yang diaplikasikan oleh guru serta faktor yang menyokong keberkesanan pelaksanaannya dalam bilik darjah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes yang melibatkan sepuluh orang pelajar prauniversiti yang mengambil subjek Sejarah bagi peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) semester dua. Kajian dijalankan di Pusat Tingkatan Enam, Sekolah Menengah Kebangsaan Putatan, Penampang, Sabah. Data diperoleh melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian bilik darjah dan analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru Sejarah mengaplikasikan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar melalui penggunaan pelbagai strategi seperti integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), pembentangan berkumpulan, penggunaan peta minda serta penerapan kaedah sejarah lisan dalam pelaksanaan kerja kursus. Selain itu, pengurusan bilik darjah yang terancang serta kecekapan guru dalam merancang dan mengendalikan pengajaran dikenal pasti sebagai faktor sokongan utama yang mempengaruhi kelancaran dan keberkesanan proses pembelajaran. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa kepelbagaian strategi pedagogi yang disokong oleh pengurusan bilik darjah yang berkesan dapat meningkatkan minat dan penglibatan aktif pelajar dalam pembelajaran Sejarah di peringkat prauniversiti.

Kata kunci: pengajaran dan pembelajaran, Sejarah prauniversiti, ICT, kaedah sejarah lisan, pengurusan bilik darjah



Abstract *This study explores the implementation of teaching and learning practices in pre-university History by examining the pedagogical strategies employed by teachers and the factors that support effective classroom practice. A qualitative case study approach was adopted, involving ten pre-university students enrolled in the Malaysian Higher School Certificate (STPM) Semester Two History course. The study was conducted at the Sixth Form Centre of Sekolah Menengah Kebangsaan Putatan, Penampang, Sabah. Data were collected through semi-structured interviews, classroom observations, and document analysis. The findings reveal that History teachers employed student-centred approaches by integrating various instructional strategies, including the use of Information and Communication Technology (ICT), group presentations, mind mapping, and the application of oral history methods in coursework activities. In addition, well-organised classroom management and teachers' instructional competence were identified as key supporting factors that contributed to the smooth and effective conduct of the teaching and learning process. Overall, the findings indicate that the combination of diverse student-centred strategies and effective classroom management enhances students' interest and active engagement in learning History at the pre-university level.*

Keywords: *teaching and learning, pre-university History, ICT, oral history method, classroom management*

PENDAHULUAN

Amalan pengajaran dan pembelajaran di peringkat Tingkatan Enam mengalami perubahan selari dengan agenda transformasi pendidikan negara yang bertujuan meningkatkan kualiti dan keberkesanan sistem pendidikan. Penjenamaan semula Tingkatan Enam yang dilaksanakan mulai tahun 2012 merupakan satu inisiatif penting bagi memperkukuh peranan program ini sebagai laluan prauniversiti sebelum melangkah ke peringkat pengajian sarjana muda. Perubahan daripada sistem Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang berfokus kepada peperiksaan akhir kepada sistem berasaskan modul telah memperkenalkan struktur pembelajaran yang lebih fleksibel dan berperingkat melalui tiga semester dalam tempoh satu setengah tahun pengajian (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012).

Pelaksanaan sistem ini secara tidak langsung menuntut pendekatan pengajaran yang lebih terancang serta menekankan penglibatan aktif pelajar bagi memastikan hasil pembelajaran dapat dicapai secara berkesan. Guru perlu menyesuaikan strategi pengajaran dengan keperluan pelajar yang berbeza serta keperluan pentaksiran yang menilai bukan sahaja penguasaan kandungan, malah kemahiran berfikir, analisis dan aplikasi pengetahuan.

Dalam konteks pengajaran subjek Sejarah di peringkat prauniversiti, peranan guru menjadi semakin signifikan dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara bermakna dan relevan. Walau bagaimanapun, pengajaran Sejarah sering dikaitkan dengan pendekatan konvensional yang menekankan hafalan fakta serta pengajaran berpusatkan guru. Pendekatan sedemikian berpotensi mengurangkan minat pelajar dan mengehadkan penglibatan aktif mereka dalam pembelajaran. Oleh itu, guru Sejarah berhadapan dengan cabaran untuk mempelbagaikan strategi pedagogi agar pembelajaran menjadi lebih menarik, interaktif dan sejajar dengan keperluan pendidikan masa kini.



Selain itu, pengenalan komponen kerja kursus dalam sistem pentaksiran STPM, termasuk penerapan kaedah sejarah lisan, menuntut pelajar mengaplikasikan kemahiran penyelidikan, temu bual serta analisis sumber sejarah secara sistematik. Keadaan ini menuntut guru untuk merancang pengajaran yang lebih berkesan serta disokong oleh pengurusan bilik darjah yang tersusun. Di samping itu, kebijaksanaan guru dalam mengurus bilik darjah akan dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi menjawab dua persoalan utama, iaitu;

1. Apakah strategi pengajaran yang digunakan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti.
2. Apakah faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti.

OBJEKTIF KAJIAN

Oleh itu, objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti strategi pengajaran yang digunakan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti.
2. Mengkaji faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti.

SOROTON LITERATUR

Teori konstruktivisme menjelaskan pelajar yang berinteraksi secara aktif dengan persekitaran pembelajaran dapat membina pengetahuan mereka. Proses ini membolehkan pelajar menghubungkan pengetahuan sedia ada dengan maklumat baharu bagi membentuk kefahaman yang lebih bermakna. Dalam konteks bilik darjah, pendekatan konstruktivisme menuntut pengajaran yang memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir, berbincang dan membuat refleksi terhadap pembelajaran mereka, manakala guru bertindak sebagai pembimbing dan pemudah cara (Zurainu & Sukkor, 2012).

Pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar yang selari dengan konstruktivisme didapati menyokong pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi dan pembelajaran sendiri. Aktiviti seperti perbincangan, pembelajaran kolaboratif dan penyelesaian masalah memberi peluang kepada pelajar untuk membina kefahaman secara aktif serta mengembangkan kemahiran berfikir kritis (Wao et al., 2022). Dalam pengajaran Sejarah, pendekatan ini amat signifikan kerana pembelajaran tidak hanya tertumpu kepada penghafalan fakta, sebaliknya melibatkan kefahaman terhadap hubungan sebab dan akibat serta interpretasi terhadap peristiwa sejarah.

Kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan inkuiri dan perbincangan dalam pengajaran Sejarah mampu meningkatkan kesedaran sejarah serta keupayaan pelajar untuk menilai dan mentafsir peristiwa sejarah secara kritis (Handy, 2021; Teoh & Ng, 2022). Pendekatan ini membantu pelajar melihat Sejarah sebagai satu proses pemahaman yang



dinamik dan relevan dengan kehidupan semasa, khususnya dalam konteks pendidikan prauniversiti yang menekankan kemahiran analisis dan penaakulan.

Selain konstruktivisme, teori pemprosesan maklumat yang dikemukakan oleh Gagné turut menjadi asas penting dalam memahami proses pembelajaran. Teori ini menjelaskan bahawa pembelajaran berlaku secara berperingkat, bermula daripada penerimaan rangsangan, pemprosesan maklumat dan seterusnya penyimpanan dalam ingatan jangka panjang. Oleh itu, keberkesanan pembelajaran bergantung kepada cara pengajaran disusun dan disampaikan agar maklumat dapat diproses secara sistematik oleh pelajar.

Dalam pengajaran Sejarah prauniversiti, penggunaan ICT dilihat selari dengan prinsip teori pemprosesan maklumat kerana teknologi menyediakan pelbagai rangsangan visual dan interaktif yang membantu pelajar memahami kandungan pembelajaran dengan lebih jelas. Penggunaan bahan multimedia dan sumber digital bukan sahaja meningkatkan minat pelajar, malah memudahkan pemahaman konsep dan peristiwa sejarah yang bersifat abstrak (Nafi'ah et al., 2022). Integrasi ICT juga menyebabkan penglibatan pelajar secara aktif melalui aktiviti pencarian maklumat, perbincangan dan pembentangan hasil pembelajaran.

Walau bagaimanapun, beberapa kajian melaporkan bahawa pengajaran Sejarah masih cenderung dilaksanakan menggunakan pendekatan berpusatkan guru dan berorientasikan hafalan. Pendekatan ini didapati mengehadkan penglibatan pelajar serta mengurangkan peluang untuk mengembangkan pemikiran kritis dan reflektif (Mohamad & Mohd Nor, 2020; Ng & Lee, 2020). Keadaan ini menuntut perubahan ke arah penggunaan strategi pengajaran yang lebih pelbagai dan menekankan penglibatan aktif pelajar.

Sebaliknya, kajian terdahulu menunjukkan bahawa strategi seperti penggunaan peta minda, pembentangan berkumpulan dan perbincangan kelas dapat menyokong pembelajaran kolaboratif serta membantu pelajar menyusun dan memahami fakta sejarah secara lebih sistematik (Awang et al., 2014). Strategi-strategi ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman pelajar, malah menyumbang kepada peningkatan keyakinan dan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar prauniversiti.

Dari sudut kompetensi guru, keupayaan pedagogi dan kemahiran mengurus bilik darjah dikenal pasti sebagai pendorong kepada wujud proses pembelajaran yang berkesan. Guru yang berupaya merancang pengajaran dengan baik serta mengurus bilik darjah secara sistematik dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong penglibatan aktif pelajar (Anuar & Jinggan, 2017; Vallance, 2000). Bilik darjah yang diurus dengan berkesan oleh guru adalah melibatkan pengurusan masa, susun atur kelas, penetapan peraturan serta interaksi positif antara guru dan pelajar.

Kajian oleh Muhamad Suhaimi Taat (2012) menunjukkan bahawa gaya pengurusan guru memberi kesan langsung terhadap iklim bilik darjah dan seterusnya mempengaruhi tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Dalam konteks pengajaran Sejarah prauniversiti, pengurusan bilik darjah yang terancang membantu memastikan pelaksanaan aktiviti seperti perbincangan, pembentangan dan kerja kursus dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa pengajaran Sejarah yang berkesan di peringkat prauniversiti memerlukan gabungan strategi pengajaran berpusatkan pelajar, penggunaan ICT secara bermakna serta pengurusan bilik darjah yang sistematik. Walaupun terdapat pelbagai kajian berkaitan pengajaran Sejarah, kajian yang meneliti secara



husus strategi pengajaran dan faktor sokongan dalam konteks Sejarah prauniversiti masih terhad. Kajian ini mengisi jurang tersebut dan menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang amalan pengajaran Sejarah di peringkat prauniversiti di Malaysia.

METOD KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes untuk meneliti strategi pengajaran dan faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran Sejarah di peringkat prauniversiti. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memahami fenomena pendidikan dalam konteks sebenar serta memperoleh data yang mendalam dan berfokus (Burns, 2000; Merriam, 1998; Yin, 1995).

Persampelan dan Lokasi Kajian

Pemilihan responden menggunakan kaedah pensampelan bertujuan, melibatkan sepuluh pelajar prauniversiti yang mengambil subjek Sejarah bagi peperiksaan STPM semester dua. Responden dipilih berdasarkan kesediaan mereka dan kemampuan memberikan maklumat yang relevan dengan objektif kajian. Kajian dijalankan di Pusat Tingkatan Enam, Sekolah Menengah Kebangsaan Putatan, Penampang, Sabah, kerana persekitarannya sesuai untuk menilai strategi pengajaran serta faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran Sejarah prauniversiti.

Kaedah Kutipan Data

Bagi memastikan data yang dikumpulkan adalah komprehensif dan menyeluruh, kajian ini menggunakan tiga kaedah pengumpulan data utama, iaitu temu bual separa berstruktur, pemerhatian bilik darjah dan analisis dokumen. Penggunaan pelbagai kaedah ini membolehkan proses triangulasi data dilaksanakan, seterusnya meningkatkan kesahan dapatan kajian.

Temu Bual Separa Berstruktur

Temu bual ini dijalankan terhadap responden bagi mendapatkan pandangan mereka berkaitan pengalaman pembelajaran Sejarah, persepsi terhadap strategi pengajaran guru, serta faktor yang mempengaruhi penglibatan mereka dalam pembelajaran. Kaedah temu bual ini dipilih kerana ia memberi fleksibiliti kepada pengkaji untuk meneroka maklumat secara mendalam, di samping membolehkan responden menyuarakan pandangan mereka secara terbuka (Patton, 1990; Merriam, 2009).

Pemerhatian Bilik Darjah

Pemerhatian bilik darjah dilaksanakan untuk memberi gambaran langsung tentang pelaksanaan pengajaran Sejarah. Dalam proses ini, pengkaji berperanan sebagai pemerhati tanpa campur tangan secara langsung dalam aktiviti pengajaran. Fokus pemerhatian merangkumi pelbagai aspek, termasuk jenis dan susunan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, tahap penglibatan pelajar, interaksi antara guru dan pelajar, serta pengurusan bilik darjah sepanjang sesi berlangsung.

Analisis Dokumen

Analisis dokumen turut digunakan bagi menyokong dan melengkapkan data yang diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian. Dokumen yang dianalisis merangkumi rekod pengajaran guru, hasil kerja kursus pelajar serta dokumen berkaitan sekolah dan kurikulum. Analisis ini membantu pengkaji memahami konteks kajian dengan lebih menyeluruh serta memperkukuh dapatan kajian.



Analisis Data

Pendekatan analisis kandungan digunakan dalam kajian ini seperti yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman serta Merriam (1998). Sebagai contoh digunakan untuk mengenal pasti tema, corak dan makna yang muncul daripada data temu bual, pemerhatian dan dokumen. Proses analisis ini dilaksanakan secara sistematik bermula dengan proses pengkodan, pengelompokan kategori dan seterusnya pembentukan tema utama.

Kaedah ini dipilih kerana ia sesuai digunakan dalam kajian kualitatif dan membolehkan pengkaji mentafsir data secara mendalam tanpa menjejaskan konteks asal maklumat yang diperoleh (Burns, 1995; Creswell, 2013). Melalui proses analisis ini, pengkaji dapat mengenal pasti strategi pengajaran yang digunakan oleh guru Sejarah serta faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat prauniversiti.

PERBINCANGAN

Perbincangan difokuskan kepada strategi pengajaran yang diamalkan oleh guru Sejarah di peringkat prauniversiti serta faktor sokongan yang melihat keberkesanan pelaksanaannya dalam bilik darjah.

Strategi Pengajaran Sejarah di Peringkat Prauniversiti

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Sejarah prauniversiti mengaplikasikan pelbagai strategi pengajaran yang menekankan penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran. Pendekatan ini dapat dilihat melalui penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), pembentangan pelajar, penggunaan peta minda serta penerapan kaedah sejarah lisan dalam pelaksanaan kerja kursus. Kepelbagaian strategi ini mencerminkan usaha guru untuk mengalihkan pengajaran daripada pendekatan berpusatkan guru yang memberi penekanan kepada penglibatan pelajar.

Dari sudut teori, amalan ini selari dengan pendekatan konstruktivisme yang menekankan pembinaan pengetahuan melalui pengalaman dan interaksi. Apabila pelajar terlibat dalam aktiviti seperti pembentangan, perbincangan dan pengumpulan data sejarah lisan, mereka bukan sahaja menerima maklumat secara pasif, malah membina kefahaman berdasarkan interpretasi dan pengalaman pembelajaran sendiri. Keadaan ini membantu pelajar memahami kandungan Sejarah secara lebih bermakna dan kontekstual.

Penggunaan ICT dalam pengajaran Sejarah pula memberi nilai tambah kepada proses pembelajaran dengan menyediakan rangsangan visual dan sumber pembelajaran yang pelbagai. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa integrasi ICT membantu meningkatkan minat pelajar serta memudahkan pemahaman terhadap peristiwa dan konsep sejarah yang bersifat abstrak. Hal ini menyokong pandangan bahawa penggunaan teknologi yang dirancang secara sistematik dapat menyokong proses pemprosesan maklumat pelajar dan meningkatkan keberkesanan pembelajaran.

Selain itu, kaedah sejarah lisan yang diterapkan melalui kerja kursus memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran penyelidikan secara langsung. Melalui aktiviti temu bual dan analisis sumber, pelajar dapat mengaitkan peristiwa sejarah dengan pengalaman sebenar, sekali gus menjadikan pembelajaran lebih autentik dan bermakna. Pendekatan ini



bukan sahaja menyokong penguasaan kandungan, malah membantu membangunkan kemahiran insaniah seperti komunikasi dan pemikiran kritis.

Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pembelajaran

Selain strategi pengajaran, kajian ini turut mengenal pasti pengurusan bilik darjah sebagai faktor sokongan penting dalam pembelajaran Sejarah. Pengurusan bilik darjah yang terancang membantu memastikan pelaksanaan aktiviti pembelajaran berjalan dengan lancar serta mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek seperti pengurusan masa, persekitaran bilik darjah dan hubungan positif antara guru dan pelajar memainkan peranan penting dalam meningkatkan tumpuan dan penglibatan pelajar. Apabila persekitaran pembelajaran berada dalam keadaan terkawal dan teratur, pelajar lebih bersedia untuk terlibat dalam aktiviti pembelajaran yang dirancang oleh guru.

Pengurusan bilik darjah yang berkesan juga berfungsi sebagai sokongan kepada pelaksanaan strategi pengajaran berpusatkan pelajar. Aktiviti seperti perbincangan kumpulan, pembentangan dan kerja kursus memerlukan pengurusan yang baik agar objektif pembelajaran dapat dicapai. Tanpa pengurusan yang sistematik, pelaksanaan strategi ini berpotensi menjadi kurang berkesan dan tidak mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan.

Hasil perbincangan menunjukkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di peringkat prauniversiti bergantung kepada gabungan strategi pengajaran yang berfokuskan pelajar dan pengurusan bilik darjah yang berkesan. Gabungan kedua-dua elemen ini membolehkan proses pembelajaran dilaksanakan secara lebih terancang, interaktif dan bermakna, seterusnya menyokong pencapaian objektif pembelajaran Sejarah prauniversiti.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini memberikan beberapa implikasi penting merangkumi aspek teori, amalan pengajaran dan penyelidikan dalam konteks pendidikan prauniversiti, khususnya pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah.

Implikasi Teori

Dari sudut teori, dapatan kajian ini menyokong penerapan teori konstruktivisme dan teori pemprosesan maklumat Gagné dalam pengajaran Sejarah di peringkat prauniversiti. Penggunaan strategi pengajaran berpusatkan pelajar seperti integrasi ICT, peta minda dan kaedah sejarah lisan menunjukkan wujud proses pembelajaran yang berkesan apabila pelajar terlibat secara aktif dalam proses pembinaan pengetahuan. Hal ini mengukuhkan pandangan bahawa teori-teori pembelajaran tersebut relevan untuk diaplikasikan dalam konteks bilik darjah Sejarah yang menuntut pemahaman mendalam serta kemahiran berfikir aras tinggi.

Implikasi Penyelidikan

Dari sudut penyelidikan, kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes sesuai digunakan untuk meneroka secara mendalam kaedah pengajaran dan faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen telah membantu meningkatkan kesahan dapatan melalui triangulasi data. Dapatan kajian ini juga membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan yang melibatkan sampel yang lebih besar atau pendekatan kuantitatif bagi menilai keberkesanan



strategi pengajaran Sejarah secara lebih menyeluruh.

Implikasi Pengamalan

Dapatan ini memberi implikasi bahawa guru Sejarah prauniversiti perlu sentiasa mempelbagaikan strategi pengajaran selaras dengan keperluan pelajar dan perkembangan pendidikan semasa. Di samping itu, penekanan terhadap pengurusan bilik darjah yang berkesan perlu diberi perhatian bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong penglibatan aktif pelajar. Gabungan kedua-dua aspek ini berpotensi meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran Sejarah serta memperkukuh kefahaman mereka terhadap kandungan mata pelajaran di peringkat prauniversiti.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menegaskan kepentingan peranan guru bukan sahaja sebagai penyampai kandungan, tetapi juga sebagai pengurus pembelajaran yang berupaya mewujudkan persekitaran bilik darjah yang kondusif. Sehubungan itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk meneliti pelaksanaan strategi pengajaran Sejarah berpusatkan pelajar dalam konteks pendidikan yang lebih luas bagi memperkukuh lagi dapatan kajian dalam bidang pendidikan Sejarah.

ETIKA KAJIAN

Kajian ini mematuhi prinsip etika berikut iaitu penyertaan sukarela pelajar menyertai kajian tanpa paksaan dan diberi maklumat lengkap sebelum memberi persetujuan. Manakala untuk aspek penentuan diri iaitu setiap peserta mempunyai hak menilai maklumat kajian sebelum bersetuju. Bagi identiti pengkaji akan didedahkan kepada peserta sebelum proses pengumpulan data. Akhir sekali rahsia peribadi bagi semua maklumat peserta dijaga kerahsiaannya. Mematuhi etika ini memastikan dapatan kajian telus, sah, dan boleh dipercayai.

RUJUKAN

- Anuar Ahmad, & Jinggan, N. (2017). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1–11.
- Basari, J., & Siew, N. M. (2022). Kerangka pemupukan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran matematik tambahan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001348.
- Burns, R. B. (2000). *Introduction to research methods*. Sage.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah penyelidikan* (Edisi ketiga). McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Glaser, R. (1962). *Psychology and instructional technology*. University of Pittsburgh.
- Handy, M. R. N. (2021). Pembelajaran sejarah dalam membangun historical awareness dan sikap nasionalisme pada peserta didik. *Prabayaksa: Journal of History Education*, 1(1), 49.
- Jamaludin, R., & Tafsir, Z. (2003). *Multimedia dalam pendidikan*. Venton Publishing.
- Jemaah Nazir Sekolah. (2004). *Standard kualiti pendidikan Malaysia – Sekolah; Instrumen pemastian standard*. Kementerian Pelajaran Malaysia.



- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Sukatan pelajaran Sejarah KBSM*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. Prentice Hall.
- Lee, S. M. (1998). *Psikologi pendidikan II: Teori dan aplikasi psikologi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2012). *Sukatan pelajaran Sejarah dan kertas soalan contoh*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Mahzan Awang, Ahmad, A. R., & Abdul Rahman, M. S. (2014). Penggunaan peta minda oleh pelajar cerdas dalam pembelajaran sejarah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(2), 95–100.
- Mohd Samsudin, & Shahizan Shaharuddin. (2012). Pendidikan dan pengajaran mata pelajaran sejarah di sekolah di Malaysia. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 39(2), 116–141.
- Pramartha, I. N. B., Suharsono, N., & Mudana, W. (2022). Kajian analisis penerapan teori konstruktivis melalui pendekatan RME terhadap kemampuan pemecahan masalah matematika. *Jurnal Ilmiah Profesi Pendidikan*, 7(4), 2421–2425.
- Piaget, J. (1976). *To understand is to invent: The future of education*. Penguin Books.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Jossey-Bass.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (3rd ed.). Jossey-Bass.
- Mohd. Majid Konting. (2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dawama Sdn. Bhd.
- Muhamad Suhaimi Taat. (2012). *Pengurusan bilik darjah berkesan*. Utusan Borneo.
- Nafi'ah, U., Sapto, A., Sayono, A., Herdiani, J., & Aulia. (2022). Peningkatan kapasitas guru dalam mengembangkan media pembelajaran berbasis augmented reality untuk menyelaraskan pembelajaran sejarah dengan kebutuhan masa kini. *Historia: Jurnal Pendidik & Peneliti Sejarah*.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan alam belajar* (Siri Pendidikan Guru). Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Patton, M. (1990). *Qualitative evaluation and research methods* (2nd ed.). Sage.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013–2025). (2012). Ringkasan eksekutif. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Univision Press.
- Sax, G., & Newton, J. W. (1997). *Principles of educational and psychological measurement and evaluation*. Wadsworth.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, & Mohd Zohir Ahmad. (2007). *Pedagogi: Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. PTS Professional Publishing.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1987). *Psikologi pendidikan II*. Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Sulaiman Ngah Razali. (1996). *Analisis data dalam penyelidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teoh, L. L., & Ng, M. H. (2022). Kerangka penggunaan peta alir dalam pembelajaran penulisan karangan naratif bahasa Cina. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(9), e001746.
- Pang, V. (2005). *Curriculum evaluation: An application in a smart school curriculum implementation*. Universiti Malaysia Sabah.
- Vallance, R. (2000). Excellent teachers: Exploring self construct, role and personal challenges. Paper presented at the Australian Association for Research in Education (AARE) Conference, Sydney.



- Wiersma, W. (1995). *Research methods in education: An introduction*. Allyn & Bacon.
- Wao, Y. P., Priska, M., & Peni, N. (2022). Persepsi mahasiswa terhadap penggunaan media pembelajaran interaktif ClassPoint pada mata kuliah zoologi invertebrata. *Jurnal Inovasi Pembelajaran Biologi*, 3(2), 76–87.
- Yee, M. H. (2002). *Pola gaya pembelajaran di kalangan pelajar sekolah menengah teknik di daerah Negeri Johor* (Laporan PSM, Universiti Teknologi Malaysia). Tidak diterbitkan.
- Yin, R. K. (1995). *Case study research design and methods* (2nd ed.). Sage Publications.
- Yin, R. K. (2014). *Case study research: Design and methods* (5th ed.). Sage Publications.
- Youngman, M. B., & Eggleston, J. F. (1982). *Constructing tests and scales*. University of Nottingham.
- Zurainu, & Sukkor. (2012). Keberkesanan model konstruktivisme lima fasa Needham dalam pengajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(79–92).

BIOGRAFI

Jaitun Banggu ialah pemegang Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.) dalam bidang Pengurusan Pendidikan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS). Beliau kini berkhidmat sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6 di Pusat Tingkatan 6, SMK Putatan. Bidang kepakaran beliau adalah sebagai Guru Akademik Sejarah, dengan minat penyelidikan yang merangkumi pengurusan pendidikan, kepimpinan sekolah, dan pengajaran serta pembelajaran Sejarah.

Dg. Norizah Ag Kiflee @ Dzulkifli merupakan seorang Profesor Madya di Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Beliau memiliki Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pengurusan Pendidikan. Bidang kepakaran beliau merangkumi Pendidikan Sejarah, Pendidikan Geografi dan Pengurusan Pendidikan. Beliau aktif terlibat dalam pengajaran, penyelidikan serta penerbitan ilmiah khususnya dalam bidang pendidikan dan pengurusan akademik.